



Muhammad Taufiq

miliki karisma tersendiri

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Bangi

Pengacaraan dan debat. Dua bidang berbeza yang berjaya menarik minat mahasiswa tahun dua Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Taufiq Abd Rahman, 22.

Dengan karakter dan karisma tersendiri, kepetahan berkata-kata, penampilan segak serta kebolehan melontar idea, anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu ternyata mudah menempatkan diri dalam kedua-dua bidang berkenaan.

"Minat saya dalam bi-

dang pengacaraan bermula sejak zaman sekolah lagi, tetapi hanya dapat ditonjolkan ketika menyertai *Projek Metro 2013*, program realiti televisyen anjuran Harian Metro dengan kerjasama TV3.

"Walaupun tidak muncul juara, kejayaan melangkah ke pusingan akhir dan memperoleh tempat keempat menjadi penguat semangat untuk te-

rus berjinak dalam dunia pengacaraan.

"Pengalaman dan kemahiran dimiliki dimanfaatkan sepenuhnya dengan menjadi pengacara untuk program universiti seperti karnival kolej, pesta konvokesyen dan pelbagai majlis lain selain pengacara sambilan majlis perkahwinan," katanya.

Muhammad Taufiq turut berhasrat untuk serius dalam bidang pengacaraan dan berharap menjadi sumber pendapatan sampingan selepas bergraduasi serta menjadi seorang peguam suatu hari nanti.

Pendebat terbaik

Dalam perkembangan lain, anak muda itu mula menceburi arena perdebatan sejak memasuki UKM pada tahun 2014, malah muncul sebagai pelajar pertama menyertai Phillip C. Jessup International Moot Competition ketika berada dalam tahun satu pengajian.

Beliau juga pernah merangkul Anugerah Pendebat Terbaik dalam Debat Piala Naib Canselor UKM 2014 selain menjadi naib johan Debat Piala Dekan Fakulti Undang-undang UKM 2015.

Pembabitan dalam debat ternyata banyak membantu Muhammad Taufiq tampil lebih yakin sebagai seorang pengacara kerana baginya, kedua-dua bidang mempunyai perkaitan dari aspek kemahiran iaitu berucap dan memberi keyakinan kepada penonton.

"Mungkin ada yang mempersoalkan kenapa saya memilih jurusan undang-undang jika minat saya lebih terarah kepada pengacaraan dan dunia penyiaran.

"Jawapannya senang saja. Saya berpegang kepada prinsip bahawa dalam kehidupan, kita sentiasa boleh mencabar diri melakukan apa saja yang diminati kerana Allah SWT menjanjikan rezeki kepada mereka yang gigih berusaha.

"Saya yakin boleh berjaya sebagai seorang peguam dan pada masa sama menyerlah dalam dunia pengacaraan, insya-Allah," katanya mengakhiri perbualan.



PROFIL

Muhammad Taufiq Abd Rahman

Umur: 22 tahun

Asal: Kota Bharu, Kelantan
Program pengajian: Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian)

Institusi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Jawatan:

- Presiden Kelab Debat dan Orator Universiti Teknologi MARA Kuantan sesi 2012/13
- Eksekutif Pemasaran Asian Law Students Association (ALSA) UKM sesi 2015/16

Pencapaian:

- Pendebat Terbaik Debat Piala Naib Canselor UKM 2014
- Naib Johan Debat Piala Dekan Fakulti Undang-undang UKM 2015